

# Kelebihan dalam menyediakan kursus pengajian ekonomi terbaik

## UMMS pilihan pelajar antarabangsa

UB 19/10/2011 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**K**ELEBIHAN dalam menyediakan kursus pengajian ekonomi terbaik menjadikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai pilihan bagi pelajar antarabangsa seperti Tan Pei Jie, 17, menyambung pengajian ke peringkat ijazah.

Berasal daripada Hunan, China, Tan turut berpendapat Malaysia sebuah negara yang indah dan UMS adalah pilihan terbaik.

"Saya mendapat tahu mengenai UMS dari pihak



ABDURRAHMAN

sekolah dan selepas itu saya banyak mencari maklumat berkaitan universiti ini



ALISIA

melalui internet," katanya. Tan adalah salah seorang



LI WEI

daripada 136 pelajar luar negara yang mengambil Program Asas Pelajar



SHIN

Antarabangsa (ISFP) kumpulan ke-18 di UMS. ISFP adalah kursus bahasa Inggeris yang diambil oleh pelajar antarabangsa selama enam bulan sebelum menyambung pengajian mengikut program pilihan masing-masing.

"Selepas kursus ini saya bercadang untuk mengambil program ekonomi dan saya juga mahu menyambung pengajian peringkat sarjana di UMS," katanya.

Seorang lagi rakan sekolahnya, Li Wei Hao, 18, berpendapat perpustakaan UMS antara daya penarik yang membuatnya mahu melanjutkan pelajaran di sini.

Katanya, perpustakaan UMS yang besar sudah tentu mampu menyediakan kemudahan sumber yang mencukupi dan meluas.

Jelasnya, Ia akan memberi



TAN

ruang untuk memperoleh lebih banyak maklumat semasa belajar dan ia memudahkan pelajar dalam menyiapkan tugas.

"Saya akan mengambil kursus bioteknologi selepas ini dan saya berharap pengajian saya di UMS akan berjaya," katanya.

Salah seorang pelajar Muslim, Alisia Alish Qin Shou Yun, 18, berpendapat Malaysia mampu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada mereka yang ingin menyambung pengajian di negara ini.

Dia juga mahu memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggerisnya yang mana ia akan membantu dalam karier pada masa akan datang.

Shin Theng Wook, 43, iaitu pelajar Korea yang

menganggap Kota Kinabalu mempunyai keadaan cuaca yang baik dan kedudukan UMS di bandaraya ini adalah satu kelebihan.

Menurutnya, selepas tamat pengajian, dia bercadang untuk menukar kewarganegaraan dan menjadi rakyat Malaysia.

"Buat masa ini saya banyak membuat persediaan dari aspek penguasaan bahasa Inggeris dan Malaysia dengan baik.

"Ia adalah antara perancangan agar saya mampu membiasakan diri dengan suasana di Malaysia," katanya yang mengambil kursus ekonomi ini.

Sebelum ini, Shin mempunyai sarjana dalam bidang ekonomi daripada Korea dan mahu mendalami dan mempelajari keadaan ekonomi negara ini.

Ayah kepada dua orang anak ini turut bercadang mahu membawa ahli keluarganya berpindah ke Sabah selepas menamatkan pengajiannya.

Sementara itu, Abdurrahman Burak Gelik, 21, pelajar tunggal daripada Turki berkata, UMS menyediakan peluang pendidikan yang bagus.

"Saya yakin mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik selepas mengikuti kursus ISFP," katanya yang juga pelajar tahun dua jurusan Psikologi ini.



PELAJAR ISFP...Para pelajar merakamkan kenangan bersama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS, Prof. Dr. Amran Ahmed (duduk tengah) pada majlis pendaftaran pelajar ISFP baru-baru ini.